

# Tiada kompromi isu keselamatan selepas penswastaaan MAHB

**Kerajaan** sekali lagi menegaskan tidak berkompromi dalam isu keselamatan walaupun pengambilalihan dan penswastaaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dimuktamad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar, berkata sebagai negara berdaulat, urusan di pintu masuk negara akan dikendalikan serta dikawal Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen (Imigresen) serta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (MCBA).

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata bagi soal keselamatan di darat dan tempat awam di lapangan terbang di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), manakala Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) bertanggungjawab dari segi keselamatan di atas udara serta kawasan pengendalian bagasi.

“Apa yang lebih penting, jika atau selepas tawaran ini diperseujui pemegang sahamnya, MAHB masih tertakluk terma dan syarat terkandung dalam Perjanjian Pengoperasian sedia ada yang ditandatangani mereka

bersama pihak kerajaan.

“Ini akan memastikan tiada sebarang perubahan kepada tanggungjawab dan bidang tugas MAHB sedia ada.

“Selain itu, dari aspek kepentingan kepada negara, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melihat wujudnya satu keperluan mendesak untuk operasi MAHB ditambah baik dan pelaburan dibuat secara lebih pantas, mengambil kira unjuran peningkatan trafik penumpang dan keadaan infrastruktur semasa yang tidak dapat menampung jumlah masa kini serta keperluan masa hadapan Malaysia.

“Ini kerana rangkaian lapangan terbang yang kukuh dan diuruskan dengan baik akan meningkatkan dan merangsang pertumbuhan perdagangan, perniagaan dan pelancongan di Malaysia, memenuhi agenda MADANI dan pelbagai dasar ekonomi kerajaan,” katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Mas Ermeyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) yang bertanya sama ada kerajaan bersedia memberikan dan mendedahkan



*Operasi di lapangan terbang MAHB akan ditambah baik bagi menampung jumlah penumpang.* (Foto NSTP)

kepada Parlimen salinan perjanjian pemegang saham (MAHB) antara tiga pihak yang berhasrat untuk menswastakan MAHB.

Perdana Menteri berkata, secara prinsipnya, tawaran pengambilalihan dan penswastakan MAHB satu urusan transaksi komersial yang dikemuka konsortium diterajui dua pemegang saham sedia ada MAHB ketika ini, iaitu Khazanah dan KWSP.

Jika tawaran itu diterima dan dipersetujui pemegang saham MAHB yang lain, pemilikan MAHB oleh konsortium berkenaan berdasarkan pecahan, iaitu Khazanah 40 peratus pegangan, KWSP (30 peratus) dan Abu Dha-

bi Investment Authority (ADIA) serta Global Infrastructure Partners (GIP) (30 peratus).

"Memandangkan ia perjanjian yang membabitkan empat pihak swasta, ia tertakluk kepada prinsip kerahsiaan komersial seperti kelaziman dalam sebarang transaksi yang bersifat sedemikian.

"Bagaimanapun, kerajaan sudah meneliti butiran berhubung pengambilalihan MAHB yang dibentangkan konsortium itu dan berpuas hati dengan segala perincian yang dikemukakan.

"Perlu ditegaskan pihak kerajaan akan mengekalkan Saham Khasnya dalam MAHB," katanya.